

# Penurunan harga atasi lambakan: PM

BH-14/10/2019 m/s: 2

Hanya bersifat sementara sebelum naik semula sehingga RM1 juta seunit

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

**Langkawi:** Penurunan had harga rumah untuk pembeli asing kepada RM600,000 bertujuan mengatasi lambakan unit kediaman yang tidak terjual pada masa ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perkara itu bersifat sementara kerana kerajaan akan menaikkan semula harga ambang RM800,000 atau RM1 juta bagi pemilikan asing apabila isu lambakan diatasi.

Langkah diambil kerajaan disifatkan kritikal bagi mengelak pemaju berdepan kesukaran membayar balik pinjaman kepada bank.

Jika ini berlaku, ia berpotensi merebak sehingga menjejaskan kedudukan kewangan bank dan ekonomi negara, justeru teretus krisis pasaran hartanah, yang mana lazimnya akan mengambil masa lama untuk dipulihkan.

Cadangan menurunkan had itu juga hanya bagi tempoh setahun sahaja berkuat kuasa 1 Januari hingga 31 Disember 2020 sahaja.

Mengulas keseimbangan ramai pihak selepas pengumuman mengenai pada Belanjawan 2020, Jumaat lalu, Dr Mahathir turut menegaskan warga asing yang

membeli rumah berkenaan bagaimanapun tidak akan diberikan taraf kewarganegaraan.

"Kita hendak jual rumah itu dan apabila sudah jual, kita boleh naikkan harga kepada RM800,000 atau RM1 juta balik. Ini cara kita untuk lariskan jualan.

"Kalau orang asing beli, mereka boleh beli, tapi kita tidak beri kerakyatan kepada mereka, mereka guna sebagai *holiday home* (rumah percutian)," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di sini, semalam.

Belanjawan 2020 mencadangkan, penurunan had ambang harga hartanah daripada RM1 juta kepada RM600,000 bagi pemilihan asing di bandar utama berikutan berlaku lambakan kondominium dan pangsapuri bernilai RM8.3 bilion ketika ini.

Bagaimanapun, pelbagai pihak meminta kerajaan mengkaji semula cadangan itu kerana bimbang pemaju akan cenderung membina lebih banyak rumah jenis itu dan menjualkannya ke-

pada rakyat asing yang berada di negara ini.

Mengenai isu import minyak sawit, Perdana Menteri berkata, kerajaan belum bercadang membuat sebarang maklum balas terhadap laporan mengatakan bahawa India merancang untuk melarang import minyak sawit dari Malaysia.

Buat masa ini, Malaysia perlu melihat tindakan selanjutnya daripada negara berkenaan.

"Kita akan kaji kesan yang akan diambil oleh India. India juga menjual barang kepada kita. Jadi dalam *trade* (perdagangan) ini bukan *one way* (sehalu) sahaja, *two ways* (dua hala)," katanya.

Malaysia dan India perlu mengelak daripada menjadikan perkara itu perang perdagangan yang akhirnya akan merugikan kedua-dua negara.

Perdana Menteri diminta menulas mengenai laporan berita sebuah agensi berita antarabangsa yang mengatakan India bercadang melarang import produk Malaysia termasuk minyak sawit susulan kecewa dengan kenyataan Dr Mahathir di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bulan lalu berkaitan isu Jammu dan Kashmir.

Menyentuh pembangunan di Langkawi, Dr Mahathir berkata, kerajaan sedang mengkaji cadangan menjadikan pulau itu bebas pencemaran asap bertujuan meningkatkan industri pelancongan.

"Saya terima cadangan agar Langkawi dibersihkan daripada pencemaran akibat kenderaan berpetrol dan kita mungkin akan mulakan dengan penggunaan kereta hibrid dan bas elektrik," katanya.

**“Kalau orang asing beli, mereka boleh beli, tapi kita tidak beri kerakyatan kepada mereka, mereka guna sebagai holiday home (rumah percutian).”**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri